

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 46
RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan hentikan konsesi Pharmaniaga

Beri tempoh sementara 25 bulan elak gangguan peredaran ubat

oleh Noor Atiqah Sulaiman
 hnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan bersetuju untuk tidak meneruskan perkhidmatan konsesi perolehan bat dan peralatan perubatan dari Pharmaniaga yang akan berakhir pada 30 November ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pihaknya juga bersetuju memberi tempoh sementara selama 25 buah kepada Pharmaniaga bagi memastikan tiada sebarang gangguan peredaran ubat sebelum mendapat konsesi baru.

“Memandangkan kepada keentingan untuk mengekalkan ekalan ubatan, Kabinet bersesuju untuk memberi tempoh sementara (interim period) kepada

Pharmaniaga. Tempoh 25 bulan itu akan berakhir pada Disember 2021.

“Dalam tempoh berkenaan, Kementerian Kesihatan mampu membuat persiapan supaya apa yang dikendalikan syarikat berkenaan sebelum ini mampu kita kendalikan dari segala sudut.

“Sekiranya pihak kementerian mampu membuat persiapan lebih awal dari tempoh 25 bulan itu, tender terbuka akan dikeluarkan lebih awal. Tender ini terbuka kepada semua pihak, termasuk Pharmaniaga,” katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Pasca Kabinet kementeriannya, di sini, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, bagaimanapun Kabinet turut bersetuju untuk meneruskan kontrak da-



Dr Dzulkefly bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Chen Chaw Min selepas mempengerusikan Mesyuarat Pasca Kabinet di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam.

(Foto Bernama)

lam sektor pengedaran dan logistik Pharmaniaga bagi tempoh lima tahun.

“Pemberian kontrak berkenaan adalah berdasarkan kepada prestasi dan keupayaan yang dibina oleh Pharmaniaga sehingga kini.

“Selepas lima tahun, ia tergantung sama ada kerajaan akan berikan kepada pihak lain atau sebaliknya,” katanya.

Pharmaniaga ialah konsesi eksklusif bagi pengedaran ubat dan bekalan perubatan kepada Kementerian Kesihatan sejak 26 tahun lalu.

Dalam perkembangan lain, Dr

Dzulkefly berkata, pihaknya sudah membuat permohonan untuk 10,675 pelbagai jawatan tetap bagi kementeriannya.

Katanya, pihaknya sebelum ini sudah mengemukakan kepada agensi berkaitan untuk mewujudkan jawatan tambahan sebanyak 21,741 bagi menampung keperluan perkhidmatan di fasiliti baharu dan fasiliti yang dinaiktaraf.

“Namun, kementerian diminta mengkaji semula permohonan berkenaan bagi perjawatan fasiliti yang dinaik taraf dan baharu sahaja yang akan beroperasi pada 2019 dan 2020,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Remaja dimasukkan ke hospital kerana vape

LABUAN - Seorang remaja lelaki dimasukkan ke Hospital Nukleus Labuan dan menerima rawatan untuk kerosakan bahagian dalaman paru-paru disyaki akibat menghisap vape yang menjadikan ia kes pertama dilaporkan di Labuan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr Ismuni Bohari dalam satu kenyataan semalam berkata, satu pemeriksaan menyeluruh telah dilakukan bagi mencari punca sebenar remaja berusia 17 tahun itu menghidapi komplikasi paru-paru.

"Remaja itu dimasukkan ke hospital pada 4 November akibat kesukaran bernafas. Beliau seorang penghidap asthma.

"Semasa di ICU, beliau telah didiagnosis menghidapi beberapa kerosakan bahagian dalam paru-paru, selain simptom rhabdomiolisis dan kegagalan buah pinggang," katanya.

Menurutnya, berdasarkan siasatan pihaknya mendapat remaja itu menghisap vape selama dua minggu sebelum beliau dimasukkan ke ICU.

"Remaja itu juga bukan sahaja hadapi beberapa kerosakan bahagian dalaman paru-paru, namun ia boleh juga disebabkan oleh penyakit otoimun yang disebabkan pendedahan terhadap bahan kimia atau menghisap vape," katanya. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Diketahui akhir 2019

Kementerian Kesihatan dijangka umum kadar caj perundingan swasta selewat-lewatnya hujung tahun ini

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

Kementerian Kesihatan dijangka mengumumkan kadar caj perundingan pengamal perubatan am swasta selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya mengikut keputusan Kabinet dengan menyerahkan perkara tersebut kepada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) untuk meneliti kadar kenaikan itu.

“Saya telah diberikan satu taklimat tentang perkara dari segi penentuan harga atau perundingan yang akan ditetapkan kelak,” katanya pada sidang akhbar selepas Program Kem Kesihatan Bersama Hospital Tung Shin di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ijok di sini semalam.

Dzulkefly berkata, beliau yakin penyeiarasan perundingan bayaran klinik swasta itu dapat diselesaikan selepas mendapat kelulusan daripada NACCOL.



Dr Dzulkefly melawat ruang pemeriksaan kesihatan sebelum merasmikan Kem Kesihatan Bersama Hospital Tung Shin di SJKC Ijok, Bestari Jaya semalam.

“Saya akan bentangkan perkara ini kepada jemaah menteri (untuk diputuskan kenaikan kadar caj tersebut),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kadar kenaikan caj perundingan pengamal perubatan am swasta yang sepatutnya dimuktamadkan pada bulan ini.

Sebelum ini, cadangan itu dibangkitkan

susulan permohonan seramai 7,000 doktor perubatan umum untuk mengharmonikan fi perundingan yang tidak disemak sejak sekian lama.

Kadar caj perundingan pengamal perubatan dan doktor swasta di seluruh negara dicadang untuk dinaikkan antara RM35 dan RM125 daripada RM10 dan RM35. Ia tidak disemak hampir 12 tahun.